

# Sekitar JPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 8: 16—31 Mei 2015



## MENARIK DI DALAM

- Belakang Tabir: Raptai Majlis Persada Gemilang JPA 2015 .....2
- Hari National Blue Ocean Strategy 2015 .....3
- Hari Keluarga JPA4U 2015 .....7



## MAJLIS PERSADA GEMILANG 2015 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 27 MEI — Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menganjurkan Majlis Persada Gemilang 2015 di Dewan De'seri Endon, PUSPANITAPURI Putrajaya. Majlis ini begitu signifikan kerana Persada Gemilang itu sendiri bermaksud sebuah majlis meraikan dan menjulang kehebatan dan kecemerlangan Warga JPA dalam memberikan yang terbaik kepada Jabatan dan Negara. Seramai 208 orang warga JPA telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014.

Bersesuaian dengan tema Majlis Persada Gemilang pada tahun ini, iaitu "Transformasi Memacu Kecemerlangan", transformasi yang sedang dilaksanakan adalah bertujuan untuk melahirkan pegawai yang bermotivasi dan berprestasi tinggi, kompeten dan produktif. Ciri-ciri ini akan membolehkan penjawat awam berkhidmat dengan lebih berkesan dan seterusnya akan menjulang prestasi Perkhidmatan Awam itu sendiri.

Dalam ucapan amanat beliau, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) mengucapkan tahniah dan syabas kepada para penerima. Beliau turut menasihatkan para penerima untuk terus memberi yang terbaik agar dapat mendepani cabaran dan menggapai kecemerlangan. Di samping itu, para penerima juga diingatkan agar menggunakan kecemerlangan yang diperoleh sepanjang bekerja sebagai pembakar semangat untuk bersama-sama melakar legasi kecemerlangan bersama obor transformasi yang telah dinyalakan.

Tan Sri KPPA menyifatkan bahawa majlis yang berlangsung pada hari ini merupakan cerminan komitmen kerajaan terhadap modal insan yang berprestasi tinggi dan inovatif. Ia juga merupakan manifestasi keprihatinan Kerajaan dalam menyubur budaya kerja cemerlang serta mengiktiraf prestasi yang melangkaui kebiasaan.

Tan Sri KPPA mengakhiri amanat beliau dengan ungkapan sebagai pesanan, "Excellence is not a destination, it is a continuous journey".

## GAMBAR SEMASA MAJLIS PERSADA GEMILANG 2015 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



*“Alone we can do so little; together we can do so much”*  
— Helen Keller

## BELAKANG TABIR: RAPTAI MAJLIS PERSADA GEMILANG 2015 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Pada 26 Mei 2015, raptai bagi Majlis Persada Gemilang Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tahun 2015 telah diadakan di Dewan De'seri Endon, Putrajaya. Urus setia Majlis yang terdiri daripada para pegawai daripada pelbagai Bahagian telah bekerjasama bagi memastikan perjalanan Majlis berjalan lancar, meriah dan gemilang. Jalinan kolaborasi yang erat dan tidak lagi ‘silo’ antara Bahagian-bahagian di JPA telah membuktikan kejayaan agenda transformasi yang diperkenalkan oleh Tan Sri KPPA di JPA.



## HARI NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS) 2015



Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan pelbagai kementerian serta agensi telah menganjurkan Hari Terbuka Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 2015 selama dua hari iaitu pada 23 dan 24 Mei 2015 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur. Hari Terbuka NBOS yang julung kali diadakan ini dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 23 Mei 2015. Buku Laporan (*Report Card*) NBOS, Portal NBOS 2.0 serta Buku Bergambar NBOS (*NBOS coffee table book*) juga turut dilancarkan pada hari berkenaan.

Tujuan hari terbuka ini diadakan ialah untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut serta berkongsi informasi mengenai pelbagai inisiatif di bawah NBOS yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2009. Lebih daripada 80 inisiatif NBOS telah dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat yang menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat di semua peringkat umur seperti penuntut institusi pengajian tinggi, belia, pesara sektor awam, kaum wanita termasuk penduduk yang tinggal di bandar maupun di desa.

Sebanyak 40 gerai pameran dan aktiviti oleh setiap kementerian dan agensi yang terbabit dengan inisiatif NBOS telah disediakan pada Hari Terbuka NBOS 2015. Acara lain yang dipertonton dan dikongsi dengan pengunjung pada hari berkenaan ialah cabaran Fit Malaysia, perkongsian pengalaman dengan individu yang telah berjaya dalam bidang keusahawanan, aktiviti seni dan muzik, pertandingan melukis, fotografi, videografi, *Indoor Explorace*, demonstrasi seni oleh belia, diskusi bersama pengarah filem Mamat Khalid, Roda Impian NBOS dan lukisan potret oleh kartunis Imuda. Tidak ketinggalan aktiviti yang membabitkan golongan hawa dan kanak-kanak seperti lukisan pasir dan face painting, sesi fotografi, pakaian baju seragam bomba kanak-kanak, demonstrasi membuat *cupcake* dan *salad*, *manicure* dan *pedicure*, jualan kebajikan, senamrobik, pertunjukan fesyen, penampilan dan pemakaian tudung, cabaran kotak misteri dan jualan makanan serta produk kraftangan. Pengunjung juga boleh mendapatkan penjelasan mengenai pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) selain mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

Bagi memeriahkan lagi hari terbuka berkenaan, ia turut diselang-selikan dengan persembahan kebudayaan dari kumpulan Banghuris Homestay Selangor, Selendang Perak, Tarian Myfest dan juga persembahan dari artis tempatan seperti Azmil dan Dayang Nurfaizah, One Nation Emcee, Joe Flizzow serta Caliph Buskers.

*“The greater the loyalty of a group toward the group, the greater is the motivation among the members to achieve the goals of the group, and the greater the probability that the group will achieve its goals.” – Rensis Likert*

## MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA—PEKERJA AM BILANGAN 1/2015

Pada 26 Mei 2015, telah diadakan Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-pekerja Am Bilangan 1 Tahun 2015 di Hotel Primula Beach, Kuala Terengganu. Mesyuarat ini bertujuan untuk mencapai persetujuan bersama berhubung perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pre-Council MBK pada 25 Mei 2015. Turut hadir ke mesyuarat berkenaan ialah Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Puan Lok Yim Pheng, Pengerusi Pihak Pekerja MBK Am, Pegawai-pegawai Kanan JPA serta ahli-ahli Mesyuarat Pihak Pegawai.

Kerajaan telah mewujudkan forum Majlis Bersama Kebangsaan ini sebagai satu pendekatan dalam membentuk permuafakatan ke arah perhubungan majikan-pekerja yang harmonis. Melalui forum ini perkongsian pintar disuburkan melalui proses perbincangan bersama dan sepakatan dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh penjawat awam. Pihak Pekerja perlu berfungsi sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan untuk melaksanakan transformasi dalam Perkhidmatan Awam dan negara. Hubungan majikan-pekerja sektor awam perlu kekal harmonis dan bersifat dinamik supaya sentiasa dilihat relevan kepada rakyat.

Sehubungan itu, Pihak Pekerja adalah digalakkan untuk mengusulkan cadangan penambahbaikan dari segi sistem penyampaian dan peningkatan produktiviti tanpa melibatkan implikasi kewangan yang tinggi.



**“Setiap kamu adalah pemimpin, iaitu pemimpin terhadap diri dan keluarganya, pemimpin terhadap masyarakat dan bangsanya.” —Mousthafaal-Gholayaini**

### LAWATAN PUSPANITA KE PUSAT KONSERVASI GIANT PANDA



Pada 26 Mei 2015, PUSPANITA Cawangan Kecil JPA telah mengadakan lawatan ke Pusat Konservasi Giant Panda di Zoo Negara. Rombongan seramai 42 orang ini turut disertai Puan Sri Asmahan Ismail selaku Pengerusi PUSPANITA JPA dan 15 orang wakil PUSPANITA dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Para rombongan telah diberikan taklimat ringkas oleh pihak Zoo Negara mengenai pasangan Giant Panda Xing Xing dan Liang Liang yang dipinjamkan melalui Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Giant Panda dengan negara China selama 10 tahun. Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Giant Panda ini memberikan impak positif kepada bukan sahaja kedatangan pelancong ke zoo malah memudahkan untuk menjalankan penyelidikan konservasi Giant Panda di samping dapat membangun serta melatih kepakaran tempatan mengenai usaha pemuliharaan panda. Usaha konservasi dengan menghantar tapir ke Jepun dan harimau Malaya ke Zoo Singapura turut dijalankan bagi membolehkan usaha konservasi dijalankan sama seperti yang dilaksanakan oleh negara China.



## 3RD JOINT SEMINAR & GAMES FOR DEPUTY SECRETARIES OF MALAYSIA & SINGAPORE 2015

*3rd Joint Seminar & Games for Deputy Secretaries of Malaysia and Singapore 2015 was organised by INTAN, Bukit Kiara on the 23 and 24 May 2015. 17 officers from Singapore and 20 officers from Malaysia attended the programme. The objectives of the programme are to provide an avenue for enhancing networking among senior officials from both countries. In addition, it also provides an opportunity for informal discussion on issues of common interest among public sector leaders from both countries. Through this programme, senior officials will be able to exchange ideas and share experience on the latest development and advancement in the civil service respectively.*

*This year's theme is 'Sustaining The Transformation Agenda: Governing The Future Today' which correlate with this era of globalisation and information explosion, where change is inevitable. In his speech, Dato' Jalil Marzuki, Deputy Director-General of Public Service (Development) said that Malaysia and Singapore face a fair share of challenges, notably changing the mind-set of civil servants given that the civil service has an entrenched way of doing things. Civil servants should adapt to the changing environment and serve the citizens with professionalism, accountability, efficiency, effectiveness and integrity.*

*The delegates were also brought to the National Blue Ocean Strategy (NBOS) Day at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The main objective of this event is to engage with the citizens on the various service delivery transformation that have been implemented under the NBOS flagship.*



## CLOSING CEREMONY OF THE 21<sup>ST</sup> JPA – BMCC MANAGEMENT DEVELOPMENT PROGRAMME

*On 29 May 2015, Human Capital Development Division, JPA held the Closing Ceremony of the 21st JPA-BMCC Management Development Programme 2015 in Grand Millennium Hotel, Kuala Lumpur. Nine private companies participated in the 3 months apprenticeship programme starting from 2nd March to 29th May 2015. Among the regulars are TESCO and Nottingham University, whereas the newcomers are Lloyd's Register, Holiday Villa Hotels & Resorts, International SOS and Crops For The Future.*

*This year's theme "Transforming Government and Empowering Public Service in Realising the Shared Vision" is consistent with the objectives of the Government's comprehensive national transformation agenda. The JPA-BMCC Management Development Programme has benefitted Malaysia both in terms of developing human capital within the context of a business-friendly public sector and in enhancing stronger economic ties between Britain and Malaysia. Over the years, it has contributed to improving the civil service through the introduction of new ideas, approaches and strategies into the civil service. It has helped civil servants to be more creative and innovative in terms planning, implementing and monitoring as well as in improving service delivery.*

## HARI TERBUKA PSIKOLOGI DAN KAUNSELING DI UNIVERSITI MALAYA TAHUN 2015



Pada 28 Mei 2015 telah berlangsung Hari Terbuka Kaunseling & Psikologi 2015 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Program anjuran Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA ini adalah dengan kerjasama Persatuan Kaunseling Universiti Malaya, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam.

Program ini bertindak sebagai medium percambahan dan penyaluran ilmu pengetahuan mengenai bidang kaunseling secara meluas dalam kalangan peserta yang terlibat. Ia melibatkan para pelajar sekolah menengah, universiti awam dan swasta.

Antara pengisian program ialah slot ceramah oleh para pegawai JPA, kempen menderma darah, tapak pameran dan yang paling istimewa, slot santai yang disampaikan oleh Datuk Haji Aznil Haji Nawawi bertajuk *The Power of Voice*.

Dalam slot beliau, Datuk Haji Aznil menegaskan akan kepentingan untuk golongan remaja bersuara dan berkongsi masalah kepada orang di sekeliling, sama ada ahli keluarga atau rakan-rakan baik bagi memastikan mereka mendapat sokongan yang dapat membantu dari segi kesihatan mental.

## MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2015



Pada 30 Mei 2015, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan melancarkan Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya (Floria Diraja Putrajaya 2015) di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya. Turut hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PP) Tan Sri Aseh Che Mat.

Bertemakan ‘Alunan Pancarona’, FLORIA Diraja Putrajaya mempamerkan lebih 100 jenis bunga lili dan keluarganya dalam suasana taman yang direka khas buat tatapan para pengunjung. Festival pada tahun ini menyaksikan lebih 50 orang pereka bentuk taman dan penyusun bunga antarabangsa dari 28 buah negara akan mempamerkan hasil kreativiti mereka. Floria Diraja Putrajaya 2015 turut menyediakan 50 lot komersil berkonsepkan Garden Bazaar dan Hort Mart, lebih 60 gerai jualan makanan dan minuman serta 83 lot hasil kraf dan seni. Pengunjung juga berpeluang menyertai lebih 300 program dan aktiviti menarik seperti pameran, demonstrasi, jualan, pertandingan, persembahan kebudayaan, seni kreatif, muzik dan sebagainya .

Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya kali kelapan akan berlangsung selama sembilan hari mulai 30 Mei hingga 7 Jun 2015 dari 9.00 pagi hingga 10.30 malam ( Isnin hingga Khamis ) dan dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah malam ( Jumaat hingga Ahad ) dengan bayaran RM1 untuk kanak-kanak, RM5 untuk dewasa dan RM10 bagi pelancong asing.

## HARI KELUARGA JPA4U 2015

Pada 31 Mei 2015, telah berlangsung Hari Keluarga JPA4U 2015 anjuran Kelab JPA di Wet World Water Park, Shah Alam. Seramai 500 orang warga JPA dan ahli keluarga mereka telah hadir memeriahkan program. Tema pada kali ini ialah "Keluarga Bahagia Inspirasi Transformasi" bertepatan dengan agenda Transformasi Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) sebelum ini.

Dalam ucapan beliau, Tan Sri KPPA berpesan kepada warga untuk mengambil peluang dan kesempatan saling mengenali antara satu sama lain yang mungkin sebelum ini hanya sekadar berpapasan dan berselisih bahu tetapi tidak berkesempatan untuk bertegur sapa. Selain itu, Tan Sri KPPA juga menegaskan tentang kepentingan *Work-Life-Balance* dalam menguruskan kehidupan sehari-hari.

Pelbagai acara dan aktiviti telah dirancang mengikut kategori umur bagi acara individu, pasangan dan juga pasukan. Antara acara permainan yang dipertandingkan ialah seperti isi air dalam botol, kepit bola dengan perut, tarik bola dengan gelung, rebut kerusi dan banyak lagi pengisian program yang menarik seperti sukanaka kanak-kanak serta cabutan bertuah mulai pagi hingga tamat acara.



## **INTI PATI RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (2016-2020) BERTEMAKAN: “PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT” YANG DIBENTANGKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK DI DEWAN RAKYAT PADA 21 MEI 2015**

1. Rancangan 5 tahun memperkuuh komitmen kerajaan terhadap rakyat dan keyakinan bahawa pertumbuhan tidak boleh diukur dengan kejayaan ekonomi semata-mata;
2. Rancangan memperakui kesejahteraan rakyat, dan komitmen untuk pertumbuhan inklusif dan mampu, perlu sebagai sebuah negara maju;
3. Ekonomi Malaysia mendapat manfaat daripada prospek ekonomi dunia yang lebih kukuh, pemulihan harga komoditi dan inflasi global yang rendah;
4. RMK-11 juga melihat pasca 2020 dengan Malaysia kekal sebagai sebuah ekonomi terbuka dan lebih bersepadu di peringkat serantau dan global;
5. KDNK Malaysia mencecah RM2.6 trilion pada 2030 (RM1.4 trilion pada 2020);
6. Lebih 40 peratus daripada jumlah guna tenaga akan terdiri daripada pekerja mahir pada 2030 (2020: 35 peratus);
7. KDNK per kapita dijangka meningkat lebih dua kali ganda kepada RM117,260 pada 2030 (2020: RM54,890);
8. Perdagangan dunia dijangka meningkat kepada US\$44 trilion pada 2030 (US\$26 trilion diunjurkan pada 2020);
9. Sasaran RMK-11 menyasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar sebenar berkembang 5.6 peratus setahun;
10. Produktiviti pekerja meningkat kepada RM92,300 pada 2020 (2015: RM77,100);
11. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita mencecah RM54,100 (US\$15,690) pada 2020;
12. Purata pendapatan bulanan isi rumah meningkat kepada RM10,540 pada 2020 (2014: RM6,141);
13. Sumbangan pampasan pekerja kepada KDNK meningkat kepada sekurang-kurangnya 40 peratus pada 2020, (2015: 34.9 peratus)
14. Indeks Kesejahteraan Malaysia (IKM) meningkat 17 peratus setahun, petunjuk peningkatan kesejahteraan rakyat;
15. Inflasi kekal rendah di bawah 3.0 peratus;
16. 1.5 juta pekerjaan akan diwujudkan pada tahun 2020;
17. Pertumbuhan akan dipacu oleh sektor swasta dengan pelaburan swasta berkembang pada 9.4 peratus setahun;
18. Sektor pembuatan dan perkhidmatan menyumbang lebih daripada 75 peratus KDNK;
19. Imbangan pembayaran dijangka kekal dalam lebahan sebanyak 2.6 peratus PNK;
20. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan terus berkurangan kepada kurang daripada 45 peratus pada 2020;
21. Hasil berkembang sebanyak 7.9 peratus setahun dan pergantungan kepada hasil berkaitan minyak berkurangan kepada 15.5 peratus pada 2020; dan
22. Pengenalan GST akan menyumbang pendapatan sebanyak RM31.4 bilion setahun dalam tempoh lima tahun akan datang berbanding RM15.5 bilion yang dikutip menerusi cukai jualan dan perkhidmatan dalam RMK-10.



### **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Blok C1-C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Pasukan Komunikasi | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



jpa2day

